

# Program Susu Sekolah perkara baik

**K**EPENTINGAN susu kepada pembesaran kanak-kanak sememangnya tidak dapat dinafikan. Susu adalah sejenis makanan yang kaya dengan nutrien. Ia adalah sumber vitamin dan mineral yang baik di samping membekalkan protein yang diperlukan untuk pembinaan tisu serta karbohidrat dan lemak yang berfungsi sebagai pembekal tenaga.

Kandungan kalsium yang terdapat dalam susu menjadikannya istimewa.

Bagi memastikan taraf kesihatan dan keselamatan murid yang menerima bantuan Program Susu Sekolah (PSS) terjamin, langkah Kementerian Pelajaran menangguhkan sementara PSS di seluruh negara adalah bijak dan tepat.

Langkah itu diambil selepas bekalan bahan itu di beberapa negeri didapati tercemar hingga menyebabkan murid keracunan makanan dan terpaksa dikejarkan ke hospital.

Dalam usaha memastikan kebajikan murid sentiasa terjaga, semua bekalan susu yang tercemar diarah ditarik balik.

Walaupun pada dasarnya matlamat PSS ini baik, kementerian terpaksa menangguh sementara program ini apabila mendapati kira-kira 35 peratus bekalan Program Susu Sekolah ke Pulau Pinang, Perlis, Kedah, Perak, Pahang dan Terengganu dicemari bakteria.

Kementerian juga sudah mengarahkan semua susu tercemar ditarik balik dan dihantar semula ke kilang.

Langkah itu juga selari langkah Bahagian Sekolah Kementerian Pelajaran dalam merancang, mengurus dan memantau program PSS.

Program ini jika berjalan seperti dirancang adalah baik untuk murid.

Pengambilan susu di kalangan kanak-kanak sekolah didapati tidak begitu menggalakkan.

Di Malaysia, misalnya kebanyakan ibu membenarkan anak mereka tidak minum susu sewaktu mereka

masih pada peringkat prasekolah lagi.

Banyak faktor yang menyumbang kepada perkara ini.

Antara sebabnya adalah kerana anak enggan minum susu dan menganggap ia adalah 'makanan untuk bayi'.

Semakin membesar, kanak-kanak mula menggemari minuman lain, terutama minuman ringan dan kordial.

Tambahan pula, ramai kanak-kanak tidak merasai kepentingan minum susu, sedangkan tiada sesiapa dalam keluarga yang berbuat demikian.

Sebagai usaha memastikan mutu susu yang dihantar ke sekolah adalah tinggi dan terhindar daripada pencemaran bakteria, Pengarah Bahagian Sekolah Kementerian Pelajaran, Noor Rezan Bapoo Hashim, berkata pihaknya memutuskan semua bekalan susu ke sekolah wajib mendapat pengesahan kualiti daripada Sirim.

Program ini akan hanya disambung semula selepas kementerian mendapat laporan daripada pembekal bahawa susu yang hendak dibekalkan disahkan Sirim.

Memandangkan matlamat PSS ini adalah untuk meningkatkan taraf kesihatan murid, beberapa langkah perlu diambil kementerian bagi mengembalikan kepercayaan orang ramai dan pelajar ke atas program itu.

Adalah diharapkan langkah mengadakan seminar pengurusan dan pengendalian makanan, termasuk pengurusan stor kepada Guru Besar dan Guru Penolong Kanan Hal Ehwal, menyediakan log pengurusan susu di sekolah dan mengedarkan poster pendidikan mengenai PSS dapat mengembalikan kepercayaan murid kepada program berkenaan.

**SAPORA SIPON,**

*Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan,  
Universiti Sains Islam Malaysia.*